

Pepatah mengatakan: “Kepala sama berbulu fikiran lain-lain.” Tidak bermakna apabila pengertian dan fikiran juga berlain-lain kita mesti memaksa orang tunduk atau takluk kepada pengertian kita tetapi hendaklah mengingatkan bahawa seseorang itu berhak menerangkan fikirannya dengan tidak memaksa orang mesti mengikut fikiran kita. Hormatilah pendapat dan fikiran masing-masing dan dalam pada itu hendaklah kita melagang perkara yang lebih besar iaitu merapatkan ukhuwah, merapatkan persaudaraan kerana dengan merapatkan ukhuwah dan persaudaraan itulah sahaja kita dapat menyatukan fahaman dan perjuangan kita.

Janganlah kita memberi sesuatu hal yang diterbitkan oleh pengertian-pengertian khilafiah yang timbul daripada aliran-aliran bermazhab. Pertentangan ini berlaku beratus bahkan beribu-beribu tahun maka oleh sebab itu berilah peluang masing-masing menerangkan pengertian dan tujuannya dengan tidak dipecah dan dihidupkan tuduh menuduh umpama kafir mengkafirkan. Cara ini tidaklah dikehendaki pada zaman sekarang kerana membawa perpecahan. Tegakkanlah kehormatan agama dan marilah kita bersama-sama melagang suatu persaudaraan kerana menyampaikan atau menyempurnakan tanggungjawab kita supaya agama Islam sebenar-benarnya berdaulat dan dengan kedaulatannya nanti, dengan beransur-ansur, menjadikannya satu cita-cita yang besar supaya Tanah Melayu menjadi sebuah negara Islam.

Dengan anjuran atau cita-cita inilah sahaja kita dapat memberi kerjasama tetapi sekiranya hanya pada bunyinya sahaja dan digunakan kerana alat atau tujuan yang lain harus juga umat Islam tidak akan dapat menyertainya. Mudah-mudahan Allah memberi kita taufik dan hidayah-Nya supaya Islam sepenuh-penuhnya berdaulat dan tanggungan kita menjadikan negara Islam yang makmur

dan bahagia (*baldatan tayyibatan wa rabbun ghafūr*) akan disampaikan Allah dan mudah-mudahan menjadikan mereka yang bekerja kepada tujuan itu terkandung di dalam lingkungan orang-orang yang menegakkan kalimah Allah – Amin.

* * *

Umat Islam Perhatilah!

Pengakuan Tengku Abdul Rahman menjadikan agama Islam agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu tidaklah patut umat Islam hanya berpeluk tubuh sahaja atau hanya menyambut dengan diam gembira tetapi tidak mahu bekerja di dalam hal ini.

Jika melihat perkembangan-perkembangan yang ada di sekeliling kita yang sebahagiannya tumbuh perasaan yang mengatakan bahawa agama Islam itu ialah agama ibadah semata iaitu pengertian yang dibawa oleh penjajah. Dalam menghadapi hal-hal yang tersebut ini sudah pada tempatnyalah kita menganjurkan supaya alim-ulama mengadakan satu perjumpaan atau muktamar untuk memikirkan atau memberi keputusan-keputusan bagaimana caranya umat Islam menyesuaikan diri kepada keadaan itu. Mustahak alim ulama itu berunding bagaimana wajibnya pengorbanan dijadikan dasar dalam segala lapangan pengorbanan umat Islam dan memajukan supaya Islam wajib dijadikan dasar bagi penghidupan peribadi orang seorang, masyarakat dan negara dan Islam wajib diperjuangkan oleh tiap-tiap pejuang Islam yang bertugas baik dalam masyarakat dan perwakilan di daerah dan di pusat.

Kita berharap supaya alim ulama membuktikan dan memerhatikan kedudukannya sebagai tumpuan perhatian Islam dan kerana itu sangatlah mustahak baginya bergerak dan apabila gerakan itu diatur sebegitu rupa untuk menghadapi perkembangan-perkembangan yang ada di hadapan kita sekarang ini maka sudah pada tempatnyalah mereka

memulakan tiap-tiap usaha dengan rapi, dan menjauhkan pertelingkahan-pertelingkahan, terutamanya yang mengenai masalah khilafiyah.

Mereka sekarang wajib bersatu bagi menghadapi keadaan di sekelilingnya dalam perkara yang meliputi sekalian umat Islam di Malaya untuk memikirkan apakah dan bagaimanakah yang patut dibuat, dalam perkembangan dan kaedah yang mengenai kedudukan dalam negara mereka nanti sebagaimana Tengku Abdul Rahman telah mengakui bahawa agama Islam agama rasmi di Persekutuan Tanah Melayu. Inilah perkara yang sangat besar yang patut diperhatikan. Maka itu sekali lagi kita menyeru kepada alim ulama supaya mengorak langkah mara ke hadapan supaya jangan mereka itu tertinggal daripada menjadi alim ulama *warathat al-anbiyā'*.

* * *

Mawlid al-Nabiyy al-Sharīf

Di dalam perayaan menyambut maulid *al-Nabiyy al-Sharīf* di Singapura banyak diadakan majlis-majlis perjumpaan dan syarahan-syarahan agama. Dalam masa diadakan syarahan-syarahan itu tidaklah hairan kalau ada timbul pula di dalamnya syarahan-syarahan dari parti politik yang sengaja mengambil peluang itu lalu mengaitkan riwayat junjungan kita Muhammad (SAW) kepada perjuangan-perjuangan politik yang dialunkan oleh mereka itu.

Dalam ucapan-ucapan itu timbullah satu cara yang menyedihkan: Terlebih dahulu semangat kebangsaan atau perjuangan kebangsaan yang tidak sesuai dengan pendirian dan pengertian Islam sebab bagi Islam itu tidak ada yang lebih dahulu atau yang lebih terutamakan selain daripada memperjuangkan agama Islam. Orang Islam, yang sebenar-benarnya beriman, apabila diseru kepada agamanya maka jawabnya tidak lain melainkan *sami'nā wa aṭa'nā* (kami dengar dan kami taati). Agama Islam tidak lebih dahulu mengutamakan kebangsaan tetapi perjuangan umat Islam ialah lebih dahulu

agamanya. Dan mereka akan taat serta patuh kepada peraturan-peraturan agama.

Kerana pendengar-pendengar di dalam syarahan itu banyak terdiri daripada orang-orang yang kurang pengertian dalam agama maka sangat mudahlah mereka terpedaya dengan kata-kata yang dihamburkan oleh mereka yang sendiri jahil di dalam perkara agama. Perhatikanlah satu kejadian yang sangat mendukacitakan di dalam mana Tuan Syed Ahmad Jamalullail Setiausaha UMNO Negeri (Singapura) di dalam suatu ucapannya di hadapan umum yang berkata: "Sekalipun barang yang kita dapati itu najis hendaklah kita terima asalkan sahaja memberi keuntungan atau faedah kepada bangsa dan agama....."

Alangkah cerobohnya pendapat ini dibabitkan kepada agama sebab agama Islam tidak akan menerima barang yang najis walaupun ia memberi keuntungan. Tuhan menegah melakukan segala kejahatan menghindarkan segala kehinaan apalagi bercampur baur dan najis untuk melaksanakan pendirian dan kedudukan Islam. Kalau Tuan Syed Ahmad Jamalullail berpendirian akan menerima najis untuk perjuangan kebangsaannya dipersilakan tetapi kalau ia menyeru Islam menerima najis untuk perjuangan Islam maka sudah terang Islam akan menolak dan membantahnya dan harus pendapat itu dipandang sebagai satu perbuatan untuk menghina umat Islam.

Oleh sebab itu kita suka mengingatkan kepada pemimpin-pemimpin siasah janganlah berkata-kata atau mengaitkan perkara-perkara agama kepada perjuangan mereka pada hal mereka itu sendiri jahil dan tidak mengerti bagaimana dan sampai ke mana Islam diperjuangkan dan dipertahankan. Mudah-mudahan ini menjadi ingatan kepada pemimpin-pemimpin siasah yang tidak mengerti pengajaran Islam, jangan cuba bercakap dalam perkara agama.